

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JULAI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Inflasi diunjur sehingga 3.5 peratus susulan rasionalisasi subsidi diesel

Inflasi diunjur sehingga 3.5 peratus susulan rasionalisasi subsidi diesel

Kerajaan mengunjurkan kadar inflasi bagi tahun ini antara dua hingga 3.5 peratus dengan pelaksanaan penyasaran rasionalisasi subsidi bahan api diesel.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, julat unjuran yang besar itu mengambil kira beberapa kemungkinan kenaikan kadar inflasi yang boleh timbul antaranya seperti pelaksanaan penyasaran rasionalisasi subsidi bahan api ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan berpandangan sekarang adalah tempoh sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar, dengan mengambil kira angka inflasi yang rendah ketika ini.

"Kadar inflasi negara bagi Januari hingga Mei lalu mencatat peningkatan sederhana sebanyak 1.8 peratus berbanding 3.4 peratus bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

"Sementara kadar inflasi Mei lalu pula kekal rendah pada dua

peratus. Sebagai perbandingan, inflasi bagi Zon Euro meningkat kepada 2.6 peratus, Amerika Syarikat (3.3 peratus), Republik Korea (2.7 peratus), Filipina (3.9 peratus) dan Indonesia (2.8 peratus) bagi tempoh sama.

"Dengan mengambil kira angka inflasi yang rendah pada ketika ini, kerajaan berpandangan ini adalah tempoh yang sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar," katanya melalui jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen.

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Amzad Mohamed@Has-him (PN-Kuala Terengganu) yang meminta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana jaminan kerajaan terhadap ke-naikan harga barang.

Ahmad Amzad juga ingin tahu bebanan yang bakal ditanggung golongan B40 dan M40 akibat pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan ke manakah hasil pen-jimatan daripada rasionalisasi

ini akan digunakan.

Atasi ketirisan subsidi

Pada masa sama, menurut Menteri Kewangan, walaupun harga diesel kini ditetapkan RM3.35 se-liter, kerajaan masih sediakan diesel bersubsidi kepada nelayan dan 33 jenis kenderaan pengangkutan awam serta barang di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk memastikan kos barang dan perkhidmatan kekal terkawal.

Katanya, bagi melindungi ke-bajikan majoriti rakyat dan mengatasi isu penyeludupan serta ketirisan subsidi, kerajaan mem-perkenalkan platform BUDI MA-DANI bagi menyalurkan subsidi diesel yang lebih tepat kepada sektor yang layak, golongan ma-syarakat yang memerlukan, dan lebih 80 peratus pemilik ken-deraan diesel individu.

"Di bawah inisiatif BUDI MA-DANI, pemilik kenderaan jenis diesel merangkumi kenderaan

pengangkutan awam darat, pe-ngangkutan darat barang, kenderaan persendirian milik individu dan golongan petani.

"Ia juga dinikmati penternak serta pekebun kecil komoditi di Semenanjung yang boleh terus menikmati subsidi diesel melalui kaedah fleet card di bawah MySubsidi Diesel atau bantuan tunai RM200 di bawah BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi," katanya.

Menurut Menteri Kewangan, kerajaan berhasrat mengembalikan penjimatannya daripada langkah penyasaran semula subsidi bahan api ini kepada rakyat sa-ma ada secara langsung ma-hupun tidak langsung bagi me-optimumkan sumber kewa-nagan negara.

Katanya, ia terutama melalui sektor pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan keper-luan pembangunan lain selain memperkuuhkan agenda per-lindungan sosial.